

Jelaskan pelaksanaan hudud terhadap bukan Islam
Utusan Online
September 25, 2011

SEREMBAN 24 Sept. - Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyatakan pendirian sama ada hukum hudud akan dilaksanakan terhadap orang bukan Islam di Kelantan.

Beliau berkata, sehingga hari ini, Nik Abdul Aziz tidak pernah memberitahu rakyat sama ada hukum berkenaan akan turut dilaksanakan kepada orang bukan Islam yang melakukan kesalahan di negeri itu.

"Saya nak tanya Nik Aziz, adakah beliau nak laksanakan hukum hudud ini untuk orang Islam sahaja atau ke atas orang bukan Islam.

"Yang itu saya nak tahu. Dia tak kata lagi. Suruh dia kata: "Kami nak laksana hukum hudud kepada orang bukan Islam juga", " katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) ke-50 di sini hari ini.

Menurut Dr.Mahathir, ajaran Islam mahukan manusia menghukum dengan adil.

Sambil memberikan contoh, katanya, apa yang akan berlaku sekiranya dua orang, seorang Islam dan seorang bukan Islam didapati bersalah kerana mencuri.

"Adakah orang Islam itu akan dihukum potong tangan manakala yang bukan Islam hanya dikenakan hukuman penjara.

"Dalam kes seperti ini, saya nak tahu Nik Aziz nak buat apa," soal beliau

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0925&pub=utusan_malaysia&sec=Politik&pg=po_12.htm&arc=hive